

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, October 25, 2018 6:06 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Naib Canselor Terima Kunjungan Hormat Duta Besar Kuwait Ke Malaysia



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

25 OKTOBER 2018 / 16 SAFAR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR KUWAIT KE MALAYSIA



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani menerima kunjungan hormat Duta Besar Kuwait Ke Malaysia, H.E Saad Abdullah Saleh A. Al Asousi di Balai Tamu, pagi tadi.

Dalam pertemuan itu, kedua pihak berbincang bagi menjalinkan kerjasama antara UUM dan Pejabat Kedutaan Kuwait di Kuala Lumpur dalam pelbagai bidang.

Antara cadangan adalah untuk menganjurkan bersama persidangan, pertukaran staf akademik, mobiliti pelajar, kerjasama penyelidikan dan pembiayaan biasiswa pelajar.

Malah, Kerajaan Kuwait juga menyatakan kesediaan untuk menawarkan tiga tajaan biasiswa penuh kepada pelajar Malaysia untuk menyambung pengajian di universiti di Kuwait.

Selain itu, turut dibincangkan tentang lawatan kebudayaan, program kebudayaan anjuran bersama, menjalinkan hubungan antarabangsa serta membangunkan projek berteraskan Islam seperti wakaf.

UUM merupakan antara salah sebuah universiti awam di Malaysia yang telah diiktiraf kerajaan Kuwait selain Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Kedatangan Duta Besar Kuwait Ke Malaysia di UUM adalah sempena lawatan kerja beliau ke Perlis mulai 24 hingga 26 Oktober.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.